



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGUASAAN LISAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN
KANAK-KANAK PRASEKOLAH DI SINGAPURA**

ALIMAH BINTI LOB

FBMK 2010 23

**PENGUASAAN LISAN BAHASA MELAYU DALAM
KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH DI
SINGAPURA**

ALIMAH BINTI LOB

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2010



DEDIKASI

AL-FATEHA

BUAT ALLAHYARHAM BONDAKU AMNAH BINTE ABDUL RAHMAN
DAN AYAHANDAKU LOB BIN SALLEH

YANG SENTIASA MENDOAKAN
DAN BERKORBAN UNTUKMU SEMASA HAYATMU DIKANDUNG BADAN.

UNTUK KEDUA-DUA ALLAHYARHAM NINDAKU YANG DIINGATI,
HAJJAH AMINAH BINTE HUSSIN
HAJJAH WAN ZAINAH BTE TAHAN (KUALA KANGSAR, PERAK)

KASIH SAYANG DAN KEPRIHATINAN YANG MELIMPAH-LIMPAH UNTUKMU
SEMASA HAYATMU DIKANDUNG BADAN AKAN SENTIASA KUSEMATI
DALAM SANUBARI.

SEMOGA ALLAH MENCUCURI RAHMAT KE ATAS ROH MEREKA. AMIN.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

PENGUASAAN LISAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH DI SINGAPURA

Oleh

ALIMAH BINTI LOB

Mei 2010

Pengerusi: Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Kanak-kanak Melayu di Singapura mempunyai masalah berkomunikasi (bertutur) dalam bahasa ibunda dengan baik. Kecenderungan ini amat membimbangkan kerana kanak-kanak perlu berkomunikasi untuk menyampaikan hajat dan fikiran. Lebih-lebih lagi apabila terdapat bukti dari sebuah tinjauan demografik yang menyatakan penggunaan bahasa ibunda dalam keluarga orang Melayu kian merosot setiap tahun.

Memandangkan betapa pentingnya penakatan bahasa Melayu di negara ini, penyelidik rasa terpanggil untuk menyelidiki bidang ini. Sebanyak 46 orang kanak-kanak, iaitu 22 perempuan dan 24 lelaki dari tiga golongan status sosioekonomi keluarga telah dikenal pasti untuk menjalani penyelidikan. Kajian berdasarkan teori mentalis ini akan dibincangkan melalui dua kaedah, iaitu kualitatif dan kuantitatif. Semua data ujaran,

perbendaharaan kata, temu bual dan bercerita akan dirakamkan dan ditranskripsikan sementara data tinjauan borang soal selidik juga akan dianalisis dengan menggunakan pengiraan kekerapan, peratusan atau min markah.

Dapatan kajian menunjukkan responden kerap menggunakan ayat penyata (56.2%) berbanding dengan ayat-ayat- tanya (8%), ayat seruan (11%), ayat perintah (5%) dan ayat majmuk (14%). Hasil kajian menunjukkan terdapat korelasi yang tinggi dalam pencapaian ayat-ayat penyata dengan jumlah ayat yang dibina walaupun tidak terdapat kesan yang signifikan dalam binaan ayat seruan dan ayat perintah. Terdapat korelasi yang signifikan juga antara faktor-faktor ekstralinguistik dengan penguasaan ayat kanak-kanak pada aras keertian $p<0.01$. Hasil kajian juga menunjukkan wujudnya hubungan yang sederhana, dan positif antara ayat majmuk dengan jumlah ayat yang dihasilkan dengan nilai $r = 0.640$ pada aras $p<0.01$. Pada keseluruhan kajian, kanak-kanak berupaya membina pola ayat dasar yang mana pola ayat Frasa Nama + Frasa Kerja (min 11.63) merupakan pola ayat yang paling kerap digunakan, diikuti oleh Frasa Nama + Frasa Nama (min 2.63), Frasa Nama + Frasa Adjektif (min 0.769), dan Frasa Nama + Frasa Sendi (min 0.5).

Kesimpulannya, kanak-kanak berkebolehan membina pelbagai pola ayat dasar dan jenis ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan selain ayat kompleks. Didapati pengaruh faktor-faktor ekstralinguistik dan status sosioekonomi juga memberi kesan kepada penguasaan lisan bahasa Melayu kanak-kanak di Singapura. Antara cadangan kajian lanjutan yang dikemukakan ialah persoalan trend bahasa lisan kanak-kanak prasekolah menjelang lima tahun yang akan datang.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

PENGUASAAN LISAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH DI SINGAPURA

by

ALIMAH BINTI LOB

May 2010

Chairman: Vijayalethchumy d/o Subramaniam, PhD

Faculty: Modern Languages and Communication

Malay children in Singapore finds difficulty in communicating using the Malay Language. This trend proved crucial as it is reflective of a research done that shows more Malay families are not using the Malay Language to communicate at home. Researcher feels it is important that she investigates the problem. Language is a platform where children learn to communicate, and parents are the main providers of linguistic inputs. The sample consists of 46 children, 22 girls and 24 boys who live in the eastern part of Singapore, and are from different three socioeconomic backgrounds. Different research methods are used such as surveys, interviews and story telling to fulfill the objectives of this research. Children's utterances are recorded and transcribed into data for analysis to identify the children's mastery in producing different forms and types of sentences.

In relation to the research's outcome, it is discovered that preschoolers use statement sentences more often than the other types of sentences. Statement sentences produced is (56.2%), interrogatives (8%), interjections (11%), imperatives (5%) and compound sentences (14%). Various ability level is found in the utterances made by respondents from different socioeconomic backgrounds. There is a significant corelation between elements of sociolinguistic and mastery of utterances at $p<0.01$. This evidence shows that family environment that speaks the language at home has a greater influence in the acquisition process and mastery of the language. There is also corelation between statement utterances and the total utterances produced, although there is no evidence of this in interjection and imperative statements.

There is corelation, positive and medium between compound sentences uttered and total sentences produced, with value of $r = 0.640$ at $p<0.01$. In general, respondents are able to form noun, verb, adjective and adverbial phrases structures with the following mean scores: Noun Phrase + Verb Phrase (mean 11.63), Noun Phrase + Noun Phrase (mean 2.63), Noun Phrase + Adjective Phrase (mean 0.769) and Noun Phrase + Adverbial Phrase (mean 0.5).

In conclusion, it can be summarised that respondents are able to produce a variety of sentences, both simple and complex. Extralinguistic elements are factors that contributes to the process of acquiring mastery in Malay language utterances among Malay preschoolers in Singapore.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirrahim

sekalung budi dalam kenangan

Terlebih dahulu dipanjatkan doa dan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan kudratNya jua, tesis ini dapat kuselesaikan. Setinggi-tinggi penghargaan kepada para pensyarah, terutama sekali Dr. Vijayalethchumy, Profesor Dr Che Ibrahim Bin Salleh, dan Dr Nik Rafidah yang sudi menyelia kemajuan tesis ini, di samping membimbing dan memberi tunjuk ajar sejak awal hingga selesai. Sebesar-besarnya penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Dr Awang Sariyan yang sudi memberi nasihat, membimbing dan mendorongku sebelum beliau berpindah tugas ke Universiti Beijing (China). Setinggi-tinggi terima kasihku kepada Prof. yang berhati mulia ini.

Rakaman terima kasih, dan apresiasi yang setinggi-tingginya juga kepada semua pihak yang terlibat dalam perjuanganku mengaharungi gelombang lautan ilmu yang akan kumanfaatkan untuk mendidik anak-anak watan bangsaku. Budi baik, sokongan dan dorongan kalian semua akan kusimpul dalam sanubari, dan kupatrikan dalam jaringan memori yang abadi.

Suamiku yang tercinta, Haji Mohd. Naim Daud yang sentiasa mengorbankan masa untuk mendampingiku pada saat-saat aku memerlukan ilham dan kekuatan untuk meneruskan perjuangan, anak-anakku Nor Asyikin, Ahmad Najib dan Ahmad Nazri, yang memahami

jiwaku untuk mengejar dan mencapai cita-cita yang sejak dulu kuimpikan. Kini, dengan izin Allah swt, api semangatku bernyala semula walaupun tubuhku tidak segagah dulu, dan usiaku berada di remang senja.

Kepada anak-anakku yang sentiasa menyokong perjuanganku dengan ukiran senyuman, kasih sayang yang tiada terbatas, serta iringan doa dan keprihatinanmu, sedang aku sibuk dengan tugas-tugas yang memuncak tiada penghujungnya, kuucapkan terima kasih kerana memahami. Pengorbananmu semua telah menjadi pemangkin untuk menguatkan lagi semangatku untuk terus mengejar ilmu sepanjang hayat.

Rakaman terima kasih kepada menantu-menantuku yang tersayang, Mohd Zulkiffli bin Abu Bakar dan Asnoreen binti Aswar yang sama-sama mendorong dan menggalakkan usahaku ini, serta cucu-cucuku yang sentiasa menyinari harapanku untuk mara ke hadapan. Impian Opah agar cucu-cucu Opah juga akan gigih mengejar dan menuntut ilmu sepanjang hayat apabila dewasa kelak. Opahmu ada kalanya mencuri-curi waktu untuk bersamamu sekelian kerana gelagat dan tawamu sentiasa membuatku gembira dan membawa keriangan dalam hatiku, dan kebahagian dalam hidupku. Marsya Zukrina (7), Aiman Nabil (5), Muhammad Nur Adzfar (5), Alisya Zuhaira (3), dan Aaqil Naqib (2), dan cucunda yang baru lahir (9/11/2009), Muhammad Aaridz Zakwan. Kamu semua tunjang kebahagiaan dan inspirasi Opah yang sentiasa membina harapan dan menyematkan kesyukuran terhadap kurniaan Illahi yang Maha Esa lagi Maha Penyayang.

Rakaman terima kasih ini juga kuutuskan buat saudara-maraku, adik-adikku, jauh dan dekat, yang sama-sama menanggung rindu (atas kesibukanku) dan memahami keresahan jiwaku, buat rakan-rakan seperjuangan dalam dunia pendidikan, rakan-rakan sekuliah dan sahabat handai yang tidak putus-putus memberi galakan, dorongan dan sentiasa mendoakan kesejahteraan dan kejayaanku. Tanpa jalinan persahabatan dan kasih sayang kalian, aku tidak mungkin dapat menjana tenaga dan ketabahan untuk meneruskan perjuangan murni ini. Buat rakan-rakan sekerja di Sekolah Menengah East Spring dan Pengetua, yang sentiasa prihatin tentang kesihatan dan kemajuanku, terima kasih kuucapkan atas sokongan anda sekalian.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada institusi UPM kerana memberi aku peluang keemasan ini, dan sudi meletakkan kepercayaan kepada diriku untuk meniti titian ilmu yang kurasakan sungguh panjang dan penuh berliku. Kesediaan UPM untuk membekalkan para pensyarah yang sangat berdedikasi, bermutu dan komited amat aku hargai. Akhir sekali buat Encik Adam Othman sekeluarga, dan Dr Zakaria Abdul Rashid sekeluarga di Serdang, sesungguhnya sokongan, dorongan, kata-kata perangsang dan nasihat anda semua akan kukenang sepanjang hayatku. Allah subhanawataala sahaja yang dapat memberi ganjaranNya. Semoga Allah memberkati semua usahaku untuk menjadi insan yang cemerlang, demi agama dan bangsaku, demi Allah dan Rasulku. Amin, Yarabbal Alamin.. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuhi.

PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada tarikh viva voce untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Alimah Binti Lob untuk menilai tesis Doktor Falsafah beliau yang bertajuk “PENGUASAAN LISAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH DI SINGAPURA” mengikut Akta Universiti Putra Malaysia 1980 dan Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah berkenaan.

Ahli Pemeriksaan Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Vijayalethumy a/p Subramaniam, PhD

Pensyarah

Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Hj Che Ibrahim bin Salleh, PhD

Profesor

Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Nik Rafidah binti Nik Muhammad Affendi, PhD

Pensyarah

Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Zulkifley Hamid, PhD

Profesor

Fakulti Sains, Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

Malaysia

(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 30 September 2010

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Falsafah Kedoktoran. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Pensyarah

Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Hj Che Ibrahim Bin Salleh, PhD

Professor

Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

Nik Rafidah binte Nik Muhamad Affendi, PhD

Pensyarah

Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: Oktober 2010

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di Institusi lain.

(ALIMAH BINTI LOB)

Tarikh: 12 Mei 2010

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	ix
KELULUSAN	x
PERAKUAN	xi
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix

BAB

I PENDAHULUAN	
Latar Belakang Kajian	1
Penguasaan Bahasa Kanak-kanak	4
Sistem Pendidikan Prasekolah di Singapura	6
Pernyataan Masalah	9
Kepentingan Kajian	16
Persoalan Kajian	18
Objektif Kajian	19
Batasan Kajian	20
Pendekatan Kajian	21
Definisi Operasional	22
Singapura	22
Bahasa Melayu	23
Dasar Kedwibahasaan Kementerian Pendidikan	24
Singapura (<i>Bilingual Policy</i>)	
Bahasa Ibunda (Konteks Singapura)	27
Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa	28
Melayu (JSKPBM)	
Kementerian Pendidikan Singapura (<i>MOE</i>)	29
Skim Bantuan Kewangan (<i>FAS</i>) – <i>Financial Assistance Scheme</i>	30
Kesimpulan	32

II	SOROTAN KAJIAN	
Pengenalan	34	
Pemerolehan dan Penguasaan Sintaksis Bahasa Melayu dalam kalangan Kanak-kanak Prasekolah (Abdul Rashid Jamian, 2002)	35	
Pemerolehan Bahasa dalam kalangan Kanak-kanak Melayu (Vijayaletchumy, 2000)	44	
Kajian Pemerolehan Imbuhan pada Peringkat Prasekolah dan Implikasinya terhadap Pendidikan Bahasa (Juriah Long, 1993)	54	
Kajian tentang Peringkat Pemerolehan Bahasa (Steinberg, 1995)	63	
Aspek Bahasa dan Pengajaran (Mangantar Simanjuntak, 1982)	71	
Perubahan Bahasa,: Suatu Kemajuan atau Kemasuhan? (Jean Aitchison, 2001)	79	
Perkataan dan Rumus: Inti-inti Bahasa: (Steven Pinker, 2001)	91	
Kesimpulan	98	
III	METODOLOGI	
Pengenalan	100	
Reka Bentuk Kajian	101	
Kerangka Konsepsi	105	
Kerangka Teori	106	
Pemerolehan Bahasa Kanak-kanak	110	
Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Kanak-kanak	113	
Tatabahasa Transformasi Generatif	113	
Tempat Kajian	117	
Populasi dan Persampelan	119	
Kaedah Kajian	121	
Kepustakaan	122	
Temu Bual	124	
Tinjauan	125	
Kaedah Pemerhatian	127	
Kaedah Analisis Kandungan	127	
Pemboleh Ubah Kajian	129	
Pemboleh Ubah Bebas	129	
Pemboleh Ubah Bersandar	129	
Alat Kajian	130	
Borang Soal Selidik Ibu Bapa/Penjaga	130	
Gambar-gambar Rangsangan	131	
Jadual Binaan Ayat	132	
Rakaman dan Transkripsi	132	
Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	132	
Borang Soal Selidik	132	
Kad-kad Imbasan	133	
Tatacara Kajian	134	
Kajian Rintis	135	

Kajian Sebenar	141
Penganalisisan Data	141
Kesimpulan	145
IV DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
Pengenalan	147
Dapatan 1	148
Penguasaan perbendaharaan kata bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah	148
Pewajaran Objektif dan Kesimpulannya	148
Ujian 1 Perbendaharaan Kata Nama (Buah-buahan/ Sayur-sayuran) Bahasa Melayu	149
Ujian 2 Perbendaharaan Kata Nama (Haiwan) Bahasa Melayu	151
Ujian 3 Perbendaharaan Kata Kerja	152
Kesimpulan	157
Dapatan 2	158
Binaan pola ayat bahasa Melayu kanak-kanak prasekolah mengikut status sosioekonomi.	158
Kedudukan Responden Mengikut Status Sosioekonomi	158
Rumusan	159
Senarai Pola Ayat Dasar	163
Senarai Pola Ayat Dasar Mengikut Status Sosioekonomi	168
Contoh Struktur Ayat Responden	172
Hubungan Pola Ayat Dasar dengan Penguasaan Lisan Kanak-kanak	179
Kesimpulan	180
Dapatan 3	181
Penguasaan jenis ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan, ayat perintah dan ayat majmuk bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.	181
Rumusan	181
Pembentukan Ayat Majmuk	185
Penerangan Jenis-jenis Ayat	190
Senarai Ayat Responden Status Sosioekonomi Tinggi	193
Senarai Ayat Responden Status Sosioekonomi Sederhana	194
Senarai Ayat Responden Status Sosioekonomi Rendah	196
Kesimpulan	198
Dapatan 4	199
Korelasi antara faktor-faktor ekstralinguistik dengan penguasaan lisan kanak-kanak prasekolah.	199
Bahasa Komunikasi Ibu Bapa (Generasi Kedua)	202
Bahasa Komunikasi (Segenerasi)	203
Kekerapan Meminjam Buku di Perpustakaan	205
Hubungan Korelasi Unsur Ekstralinguistik dengan Penguasaan Lisan	207
Kesimpulan	208
Dapatan 5	209

Perbezaan yang signifikan faktor ekstralinguistik antara responden lelaki dan perempuan	209
Latar Belakang dan Faktor-faktor Ekstralinguistik Keluarga	209
Kekerapan Bercerita	210
Kos Membeli Buku	212
Kekerapan Aktiviti Membacakan Buku kepada Anak-anak	217
Ujian Perbezaan Faktor Ekstralinguistik Mengikut Jantina	221
Kesimpulan	222
Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	223
Implikasi Dapatan Kajian kepada Penguasaan Lisan Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah	227
Kesimpulan	229
V KESIMPULAN DAN CADANGAN	
Pengenalan	230
Kesimpulan	230
Cadangan	236
Peranan Ibu Bapa dan Penjaga Kanak-kanak	236
Guru-guru Prasekolah	243
Pemimpin dan Pemerintah	246
Kementerian Pendidikan Singapura (MOE)	246
Masyarakat Melayu Singapura	247
Pengurus Tabika	248
Pusat Pengembangan Kurikulum	248
Cadangan Kajian Lanjutan	249
BIBLIOGRAFI	250
LAMPIRAN	
Lampiran 1A: Pendidikan Prasekolah/Pendaftaran	
Lampiran 1B: Laporan Akhbar (Program mencari anak-anak yang tidak bersekolah)	
Lampiran 1C: Subsidi dan Biaya	
Lampiran 1D: Kanak-kanak Wajib Bersekolah	
Lampiran 1E: Jangan Abaikan Pendidikan Awal	
Lampiran 1F: Menaikkan Taraf Prasekolah	
Lampiran 1G: Soal Selidik Penyelidikan	
Lampiran 2A: Senarai Ujian Perbendaharaan Kata	
Lampiran 2B: Gambar-Gambar Rangsangan Bercerita	
Lampiran 2C: Kad-Kad Imbasan Kata Kerja	
Lampiran 3A: Borang Soal Selidik	
Lampiran 3B: Jadual Binaan Ayat	
Lampiran 3C: Data Kajian Rintis	
Lampiran 3D: Data Kajian	

BIODATA PENULIS